

Meru dilanda banjir kilat

MERU - Ratusan penduduk di beberapa taman di sini dikejutkan dengan banjir kilat melanda kawasan itu yang didakwa terburuk direkodkan sejak belasan tahun lalu.

Penduduk yang hanya ingin dikenali Azmi berkata, kejadian melanda beberapa kawasan termasuk Taman Seri Puteri 1 dan 2, Pekan Meru dan Persiaran Hamzah Alang sekitar awal pagi semalam.

Menurutnya, kejadian hanya disedari penduduk ketika waktu pagi iaitu sekitar jam 4 hingga 5 pagi.


"Bagaimanapun malam sebelum kejadian, hujan agak lebat melanda kawasan ini namun begitu, kami tidak mengesyaki banjir seteruk ini akan berlaku.

"Air melimpahi jalan raya sehingga kira-kira satu kaki setengah manakala turut memasuki kediaman saya paras suku kaki beberapa jam kemudiannya.

"Disebabkan air melimpah masuk ke rumah agak pantas, kami hanya sempat memindahkan barang-barang ringan sementara peralatan berat seperti almari terpaksa dibiarkan.

"Apatah lagi air naik terlalu pantas dengan airnya yang kotor dan dipenuhi sampah sarap," katanya.

Menurutnya, apa yang mengugurkan penduduk, kejadian se-



Air bertakung di pekarangan kediaman penduduk.

umpama itu tidak pernah berlaku di situ dan dia percaya aliran air ke saluran sepatutnya terhalang.

"Justeru, saya harap pihak berkuasa dan pemimpin tempatan dapat mengambil tindakan segera mengatasi kejadian ini yang sehingga kini (jam 8 malam, semalam) air belum surut.

"Ekoran ketidakselesaian selepas kediaman dimasuki air; ramai dalam kalangan jiran berpindah dengan menumpang di rumah saudara lain," katanya.

Beliau berkata, pihak berkuasa

tempatan harus segera mencari alternatif sama ada menggali atau melebarkan sistem saliran dan jika ia tidak dilakukan segera, pihaknya percaya air sukar surut.

Azmi berkata, ada dalam kalangan jiran yang bekerja terpaksa cuti ekoran khuatir air terus memasuki kediaman.

Katanya, justeru pihak bertanggungjawab diminta mencari langkah berkesan mengatasi masalah itu yang membebankan penduduk termasuk menjejaskan aktiviti harian.